



# YAYASAN NEGERI SEMBILAN

## KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal bumiputera/bukan bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

### SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN RANGKAIAN KOMPUTER DI TINGKAT 2 YAYASAN NEGERI SEMBILAN

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
YNS/SH/09/2024	210105	<b>04 JULAI 2024 (KHAMIS)</b>  10.00 Pagi  Bilik Seminar Tingkat 7, Yayasan Negeri Sembilan, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan, Jalan Yam Tuan, 70000 SEREMBAN	<b>11 JULAI 2024 (KHAMIS)</b>  (Sebelum 12.00 Tengah Hari)

1. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen: -

Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**  
Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

2. Satu (1) salinan sijil-sijil di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan **Yayasan Negeri Sembilan**. **Yayasan Negeri Sembilan** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **Yayasan Negeri Sembilan** tidak layak.

3. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Perkhidmatan di atas tanggungjawab pembekal.

4. **Yayasan Negeri Sembilan** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **Yayasan Negeri Sembilan** berhak membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

5. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebutharga** dan **Tajuk Perkhidmatan** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah:-

#### Pengarah

Yayasan Negeri Sembilan  
Tingkat 11, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan  
Jalan Yam Tuan  
70000 Seremban

**Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari**

6. Jika tender dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul **12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

7. Dokumen tender boleh dibeli di kaunter Bahagian Kewangan Yayasan Negeri Sembilan, Tingkat 11 dengan bayaran berjumlah RM50.00. Sebarang pertanyaan berkenaan dokumen tender boleh menghubungi Pn. Siti Adibah Binti Adnan atau En. Jaka Sari Bin Jamaludin di talian 06-762 8046.